



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENERBIT TINGKAT I (C.3-4 EB.5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PENERBIT TINGKAT I
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEMBILAN (09)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Ehwal Semasa / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Linguistik / *Media and Culture / Media and Journalism / Media Production / Multimedia / Pengajian Brunei / Penyiaran / Professional Communication and Media / Public Affairs / Sastera / Sejarah / Television Production / TV and Film Production / Usuluddin / Seni Kreatif* atau bidang bersesuaian.

ATAU

2. *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam lain-lain bidang dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari 6 bulan.

ATAU

3. Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Perancangan / Penterjemah Kanan / Penyunting / Penyunting *ENG / Vision Mixer / Pengawas Pakaian dan Solek / Scenic Master / Pembantu Teknik Kanan (Bengkel) / Penerbit Tingkat II / Penolong Penerbit / Penulis Skrip / Penolong Skrip / Penyelia Sarikata / Pengurus Pentas / Pegawai Perpustakaan Kanan (Filem dan Pita) / Ketua Pemain Muzik / Ketua Pemberita / Pereka Tingkat III / Pelukis Tingkat III* atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

4. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.



SYARAT-SYARAT LAIN

1. Bagi pengisian kekosongan jawatan di Bahagian Rancangan Radio, pemohon adalah dimestikan lulus ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan lain-lain Bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
4. Mempunyai suara yang sesuai sebagai pengacara di radio adalah kelebihan.
5. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
6. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal penerbitan rancangan, hal ehwal semasa dan hal ehwal media penyiaran.
7. Hendaklah mempunyai pengalaman yang luas dalam menerbitkan rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa sama ada secara siaran langsung ataupun rakaman.
8. Hendaklah mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa.
9. Hendaklah mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam mengolah dan menghasilkan penerbitan yang berkualiti.
10. Hendaklah mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
11. Hendaklah mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik disamping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan di bawah jagaan.
12. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam proses penerbitan rancangan termasuk dalam suasana tegang.
13. Berkeupayaan mengawal dan menguruskan hal ehwal perbelanjaan peruntukan dengan menghasilkan produktiviti yang berkualiti dan menepati kehendak dan matlamat Jabatan.



14. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara.
15. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja.
16. Mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Penerbit Kanan yang berkenaan dalam sama-sama menerbitkan rancangan yang telahpun dirancang sepanjang tahun tersebut.
2. Merancang dan menyelenggara kerja-kerja penyelidikan, membuat skrip, memilih dan menentukan penyumbang rancangan, menempah kemudahan teknikal dan set dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan hal ehwal penerbitan.
3. Menjalankan tugas penerbitan bagi siaran televisyen / radio di studio, siaran luar dan lokasi rakaman luar.
4. Jika ditempatkan di Bahagian Rancangan Radio, Penerbit Tingkat I akan ditugaskan selaku penyampai rancangan dan menjalankan tugas-tugas *continuity* termasuk menerbitkan rancangan.
5. Rancangan yang diterbitkan hendaklah memenuhi dan menepati kehendak kualiti dan kuantiti perancangan berkenaan.
6. Mengawal perbelanjaan rancangan yang diterbitkan.
7. Menyediakan jadual rakaman, tayangan dan tapisan bagi rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh unit di bawah jagaannya dan memastikan tarikh-tarikh tersebut ditepati.
8. Berkebolehan dalam pengendalian Sistem *Winmedia* dan kerja-kerja penyuntingan menggunakan *Sound Forge* dan *Vegas*.
9. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu bekerja biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
10. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.